KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	22/11/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	9
JABATAN	:	JPSM, MOTAC			

Bera destinasi ekopelancongan

Ekosistem semula jadi mampu pikat pelancong asing

Bera: Daerah Bera di Pahang berpotensi dijadikan sebagai antara satu destinasi ekopelancongan pilihan dunia kerana kaya dengan ekosistem semula jadi.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Datuk Seri Nancy Shukri, berkata Tasik Bera, contohnya terkenal sebagai tempat perlindungan kepada lebih 200 spesies burung, 50 mamalia dan 90 spesies ikan, selain menjadi habitat kepada pelbagai jenis flora.

"Ini menjanjikan pengalaman unik kepada mereka yang menggemari aktiviti pelancongan bersifat semula jadi untuk melakukan aktiviti seperti *jungle tracking* (merentas hutan)," katanya berucap pada Program Komuniti Keluarga Malaysia 'Hogoh Bera 2020' di FELDA Kumai, di sini semalam.

Program selama dua hari bermula kelmarin itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan turut dihadiri Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Nancy berkata, MOTAC akan memberi sokongan penuh kepada pengusaha inap desa termasuk di FELDA Kumai untuk menarik kehadiran lebih ramai pelancong ke daerah itu.

"MOTAC juga menyokong penuh segala aktiviti di bawah sektor pelancongan termasuk yang dikendalikan persatuan budaya dan organisasi luar termasuk menerusi penyediaan bantuan insentif dan latihan," katanya.

Mengulas mengenai penganjuran program itu, Nancy berkata, ia adalah pendekatan turun padang oleh agensi kerajaan bagi mendekatkan diri dengan masyarakat melalui pembabitan komuniti. BERNAMA



Ismail Sabri bersama Nancy (kiri) dan Wan Rosdy (dua kanan) pada Majlis Perasmian Program Komuniti Keluarga Malaysia 'Hogoh Bera 2020' di FELDA Kumai. (Foto Farizul Hafiz Awang/BH)